



Ministry of Industry and Primary Resources

**UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA
BIN BEGAWAN MUDIM
DATO PADUKA HAJI BAKAR,
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER
UTAMA**

**di “Majlis Penandatanganan Kontrak BLS
Fasa 2B”**

*Hari Selasa, 19 Rejab 1432 / 21hb Jun 2011
Royal Berkshire Hall, Jerudong Park Polo Club, Brunei
Darussalam*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Berhormat Pehin Dato Singa Menteri Colonel (R)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd Yasmin bin Haji
Umar, Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri;

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral
(Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji
Mohd Yussof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri;

Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Mohd Amin Liew bin
Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama, Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Perlaksanaan Projek Flagship (JKPPF)
Business Licensing System (BLS);

Yang Mulia Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Perlaksanaan Projek Flagship (JKPPF) Business Licensing System (BLS);

Yang Berbahagia Dato' Bistamam bin Ramli, Pengarah Shinba Edaran (B) Sdn Bhd;

Tuan Yang Terutama Fakhri M Al-Said, Duta Negara Oman;

Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

Wakil-wakil daripada Syarikat Perniagaan;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala, Selawat dan Salam keatas junjungan kita nabi Muhammad sallahualaihi Wassalam, kaum kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat hingga keakhir zaman.

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan taufik dan hidayah nya jua kita dapat sama-sama berkumpul di majlis yang berkebajikan pada petang ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Majlis di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk menjadi Tetamu Kehormat pada petang ini.

Bagi pihak keseluruhan kumpulan projek Business Licensing dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya sukacita merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian para hadirin hadir ke majlis penandatanganan kontrak diantara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Shinba Edaran (B) Sdn Bhd bagi projek “The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning and Maintenance of the Business Licensing System (BLS) Integration To Licensing Agencies Backend System” yang juga dikenali sebagai BLS Phase 2B.

Hadirin dan Hadirat sekalian:

Majlis penandatanganan kontrak pada petang ini adalah salah satu daripada empat (4) fasa di dalam Business Licensing System. Projek yang lebih dikenali sebagai BLS ini adalah satu projek flagship E-Kerajaan

dimana ianya telah dimulakan pada suku ke-empat pada tahun 2008 sejurus selepas pengumuman *World Bank and International Finance Corporation's Ease of Doing Business Report 2008* dimana Negara Brunei Darussalam telah dimasukkan buat pertama kalinya. Pada tahun ini, kedudukan secara keseluruhan bagi Negara Brunei Darussalam adalah yang ke-112 daripada 183 ekonomi dan kedudukan dari ciri *Starting A Business* adalah yang ke 133 daripada 183 ekonomi.

Didalam usaha untuk menambahbaik lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam '*Ease of Doing Business*' ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan BLS sebagai salah satu inisiatif di bawah program e-Kerajaan. Seperti yang dimaklumi bersama, e-Kerajaan bukan hanya berkaitan dengan pemerolehan teknologi info-komunikasi, akan tetapi tumpuan utama e-Kerajaan adalah mengenai pengubahsuaian proses-proses dan prosedur-prosedur

kerja dengan memanfaatkan penggunaan IT supaya lebih efisien dan efektif.

BLS adalah diharapkan akan wujud pusat perkhidmatan tunggal bagi kegunaan usahawan dan peniaga. Dengan adanya BLS nanti, para usahawan dan peniaga di Negara Brunei Darussalam akan dapat membuat permohonan dan pembayaran secara online bagi 30 jenis lesen daripada 13 buah agensi-agensi Kerajaan.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Majlis penandatanganan kontrak yang akan kita saksikan pada hari ini adalah detik permulaan bagi satu lagi perjalanan yang setentunya tidak terlepas daripada pelbagai cabaran dan rintangan yang akan dihadapi. Ini adalah kerana BLS melibatkan beberapa buah agensi-agensi dengan bidang kuasa masing-masing dan sebarang perubahan keatas pbaikan setentunya

memerlukan kerjasama dan sokongan yang padu daripada kesemua agensi-agensi tersebut.

Innovasi melalui aplikasi-aplikasi ICT yang dinamik hanya akan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan adanya pegawai-pegawai yang dedikasi, cekap dan komited dalam memberi sokongan kepada kejayaan projek ini. Matlamat e-Kerajaan hanya akan dapat dicapai melalui kesediaan setiap individu untuk mengubah minda, sikap dan budaya kerja sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa.

Di kesempatan ini izinkan saya merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada Urusetia BLS atas usaha-usaha yang telah dibuat dalam memastikan projek ini menjadi realiti dan seterusnya mendoakan kejayaan kearah pelancaran BLS pada suku pertama tahun 2012 nanti.

Akhirkata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi penghargaan atas kesudian para hadirin hadir pada hari ini untuk menyaksikan satu lagi *milestone* penting di dalam perjalanan projek BLS.

Pada akhirnya, sebelum mengundur diri, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kaseh kepada ahli-ahli Jawatankuasa Majlis diatas undangan bagi saya menjadi Tetamu kehormat bagi Majlis ini pada petang ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.